

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

1. Kementerian dan Jabatan dikehendaki untuk menyediakan dan menghadapi cadangan Anggaran Peruntukan Tahun Kewangan yang berkenaan dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:
 - 1.1 Cadangan peruntukan hendaklah mengikut keperluan sebenar dan keutamaan (*priority spending*), selaras dengan perancangan **pelan strategik** Kementerian dan mendukung **Wawasan Brunei 2035**. Cadangan tersebut juga perlulah menjurus kepada tema dan keutamaan Belanjawan Negara Tahun Kewangan yang berkenaan. Sebarang pertindihan fungsi dan pelaksanaan projek di antara Kementerian hendaklah dibincangkan dengan Kementerian yang berkenaan bagi mengelakkan dari pembaziran dan meningkatkan efisiensi dan produktiviti Perkhidmatan Awam agar dapat memanfaatkan *economies of scale* dan penggunaan teknologi maklumat (ICT).
 - 1.2 Cadangan peruntukan hendaklah mengambilkira keupayaan Kementerian atau Jabatan masing-masing untuk melaksanakan program dan aktiviti dalam Tahun-Tahun Kewangan yang berkenaan, termasuk keupayaan untuk menyelesaikan pembayaran bagi pembekalan/perkhidmatan yang sudah dilaksanakan dalam Tahun Kewangan yang sama.
 - 1.3 Mengenalpasti Strategi Belanjawan dan rancangan penambahbaikan Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya ke arah hasil pencapaian (*outcome*) yang dihasratkan dengan memberikan butir-butir pencapaian sebenar (*achievement*) Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators [KPIs]*) bagi Tahun-Tahun Kewangan yang lalu; unjuran pencapaian KPIs bagi Tahun Kewangan yang masih berjalan; dan seterusnya sasaran KPIs bagi Tahun Kewangan yang dipohonkan. Ini adalah untuk memastikan peruntukan yang disediakan memberikan hasil yang disasarkan dan setimpal.
 - 1.4 Dalam menilai keberkesanan dan *relevancy* KPI-KPI berkenaan dalam mengukur dan mencapai keberhasilan yang dihasratkan oleh setiap Kementerian dan Jabatan yang dikaitkan dengan pemberian peruntukan tahunan berkenaan, setiap Kementerian dan Jabatan adalah dipohonkan untuk menilai semula KPI masing-masing mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:
 - 1.4.1 **Relevancy:** Menilai KPI berkenaan sama ada ianya adalah selaras dengan matlamat dan objektif strategik Kementerian/Jabatan terkini dan masa depan. Ini termasuk memastikan KPI adalah sejajar dengan matlamat-matlamat yang digariskan di bawah Wawasan Brunei 2035.
 - 1.4.2 **Keberkesanan:** Menilai kesesuaian dan keberkesanan KPI berkenaan dalam mengukur pencapaian objektif program Kementerian dan Jabatan masing-masing. Ini mungkin melibatkan mentakrifkan semula kaedah pengukuran, sasaran, atau skop apa yang diukur.
 - 1.4.3 **Kebolehcapaian:** Mempertimbangkan sama ada KPI mempunyai sasaran yang realistik berdasarkan sumber yang ada, persekitaran operasi dan jangka masa untuk pencapaian.

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

1.4.4 **Kos-efektif:** Menilai sama ada faedah yang diperolehi dalam pencapaian KPI adalah setimpal dengan kos-kos yang terlibat dalam melaksanakan program-program yang telah dirancang.

1.5 Cadangan peruntukan juga perlu melibatkan usaha-usaha ke arah mendukung program *Fiscal Consolidation* secara berfasa dan menyeluruh di seluruh agensi Kerajaan bagi mengurangkan jurang defisit dan memastikan setiap ringgit dibelanjakan membawa pulangan maksimum. Ini termasuk pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

1.5.1 Meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan bagi memastikan peruntukan digunakan secara optimum. Ini dapat dicapai melalui langkah-langkah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan *centralized procurement* secara *demand aggregation* untuk barangan/perkhidmatan lazim bagi memanfaatkan *economies of scale*;
- ii. Pelaksanaan perjanjian atau kontrak penyelenggaraan utama (*Master Maintenance Agreement/Contract*) bagi penyelenggaraan peralatan umum seperti *chiller* dan sebagainya;
- iii. Menerapkan digitalisasi dan automasi untuk meningkatkan produktiviti dalam proses kerja dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan;
- iv. Penilaian semula dan penggabungan program/aktiviti yang bertindih atau tidak lagi relevan; dan
- v. Keutamaan terhadap projek berimpak tinggi, memberikan manfaat jangka panjang, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara.

1.5.2 Penetapan *baseline expenditure* yang realistik oleh setiap Kementerian dan agensi, berdasarkan keperluan sebenar serta penilaian kos operasi.

1.5.3 Pelaksanaan *manpower audit* secara sistematik bagi memastikan keperluan tenaga kerja yang optimum dan produktif.

1.5.4 Perancangan projek berdasarkan fasa dan kemampuan pelaksanaan agar projek-projek dapat memberikan impak yang dihasratkan kepada pembangunan dengan mengelakkan penangguhan dan pembaziran sumber.

1.5.5 Menerokai langkah-langkah untuk mempercepat proses pelaksanaan projek dengan mengurangkan kebergantungan pada satu pihak untuk semua pengesahan dan kelulusan teknikal. Ini termasuk menilai kebolehlaksanaan pengagihan tanggungjawab tertentu kepada kementerian atau agensi yang memiliki keupayaan teknikal yang mencukupi.

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

- 1.5.6 Menerokai inisiatif tenaga boleh diperbaharui seperti pemasangan solar di bangunan-bangunan Kerajaan untuk penjimatan kos jangka panjang.
- 1.5.7 Meneliti semula dan menstruktur subsidi-subsidi yang dihulurkan agar manfaatnya lebih dikecapi oleh golongan sasaran sahaja (*targetted subsidy*).

2. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN

2.1 Kategori Perbelanjaan Emolumen [2101 hingga 2104]

- 2.1.1 Setiap Kementerian dan Jabatan adalah dikehendaki untuk mengemaskini maklumat-maklumat mengenai gaji dan elaun-elaun bagi pegawai dan kakitangan Jabatan masing-masing di bawah modul '**Personnel Cost Planning**' dalam Sistem Sumber Manusia (SSM). Maklumat berkenaan hendaklah selaras dengan Senarai Pemegang Jawatan (SPJ) Cadangan Anggaran Perbelanjaan yang akan dihadapkan dalam format *softcopy*.
- 2.1.2 Setiap Kementerian dan Jabatan juga dikehendaki untuk meneliti secara terperinci keperluan jawatan-jawatan yang sedia ada termasuk jawatan-jawatan kosong di bawah Kementerian dan Jabatan masing-masing dengan mengoptimalkan tenaga kerja (*optimization of manpower*). Pengisian jawatan-jawatan kosong hendaklah berasaskan kepada keperluan sebenar untuk meningkatkan produktiviti dan memperkesakan perkhidmatan Kerajaan termasuk untuk menjana dan meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan berdasarkan aktiviti dan fungsi utama (*core functions*) agensi-agensi berkenaan sahaja dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:
 - i. Meneliti semula tugas-tugas yang dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan di Kementerian masing-masing bagi memastikan tugas-tugas yang dilaksanakan adalah benar-benar relevan dan tidak duplikasi;
 - ii. Meningkatkan keberkesanan Perkhidmatan Awam dengan memanfaatkan penggunaan sistem teknologi maklumat yang terkini;
 - iii. *Reallocation* atau pemindahan jawatan-jawatan dari satu Jabatan ke satu Jabatan yang lain di dalam Kementerian yang sama berbanding memohonkan jawatan tambahan; dan
 - iv. Bagi jawatan-jawatan dari mana-mana Jabatan Kerajaan yang akan dikorporatkan atau diswastakan untuk diserapkan ke Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang memerlukan dan diberi latihan secara *reskilling* mengikut keperluan tugas dan tanggungjawab penempatan mereka. Penyelarasan ini perlulah dilaksanakan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam selaku agensi yang bertanggungjawab

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

terhadap hal perjawatan dan penjawat awam. Manakala, mana-mana pegawai dan kakitangan yang belum ada penempatan dan masih ditempatkan di Kementerian asal, jawatan-jawatan berkenaan untuk ditiadakan apabila pemegang jawatan bersara nanti.

- 2.1.3 Sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini melalui surat Kementerian Kewangan dan Ekonomi bilangan KKWE/B/2 bertarikh 23 Januari 2021, mana-mana permohonan penambahan atau pengurangan jawatan termasuk secara *trade-off*, dan juga penstrukturan semula organisasi Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya hendaklah dihadapkan ke **Urusetia Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG) di Jabatan Perkhidmatan Awam** dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:
- i. Dalam menimbangkan keperluan mengadakan jawatan-jawatan tambahan, Kementerian-Kementerian adalah dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan secara ***trade-off sahaja***.
 - ii. *Trade-off* bolehlah dilakukan daripada jawatan-jawatan di dalam Jabatan yang sama ataupun daripada jawatan-jawatan di dalam Jabatan berlainan dalam Kementerian yang sama.
 - iii. Mana-mana jawatan di dalam Bahagian III ke bawah yang tidak diisikan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan hendaklah diteliti semula keperluannya sama ada meniadakannya atau *trade-off* bagi mengadakan jawatan lain yang lebih diperlukan.
 - iv. Permohonan hendaklah dihadapkan bersama Kertas Kerja menurut garispanduan yang telah disediakan oleh pihak Urusetia JTG bagi penelitian dan pertimbangan selanjutnya selaras dengan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil: 10/2021.
- 2.1.4 Bagi mana-mana kakitangan yang diserapkan dari Perkhidmatan Open Vote dan Bergaji Hari yang naik pangkat atau bersara, jawatan yang dipegangnya sebelum ini dengan sendirinya akan ditiadakan dan bukan dikira sebagai kekosongan jawatan.
- 2.1.5 Penyediaan peruntukan bagi jawatan-jawatan kosong adalah sebanyak enam bulan perkiraan gaji bagi jawatan-jawatan di dalam Bahagian I ke atas, dan tiga bulan perkiraan gaji bagi jawatan-jawatan di dalam Bahagian II ke bawah.
- 2.1.6 Kementerian-Kementerian yang mempunyai jawatan-jawatan Tenaga Pengajar, Jururawat dan Pegawai Perubatan hendaklah menyatakan dengan jelas mengenai penempatan pemegang-pemegang jawatan tersebut semasa menghadapkan cadangan Anggaran Peruntukan Tahun Kewangan 2025/2026 hingga 2027/2028 bagi membantu

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

pemantauan penempatan kerja mereka adalah selaras dengan peruntukan belanjawan yang diluluskan.

2.2 Lain-lain Perbelanjaan Berulang-Ulang [2105 hingga 2133]

- 2.2.1 Keutamaan hendaklah diberikan kepada keperluan peruntukan sebenar operasi (*baseline*) untuk menjalankan *core business* Kementerian dan Jabatan masing-masing. Ini termasuk memastikan pemeliharaan ke atas aset-aset Kerajaan diurus dan dirancang secara teratur bagi mengelakkan kerosakan dan kerugian kepada harta benda Kerajaan dan lain-lain. Perancangan peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang perlulah juga berdasarkan pelaksanaan penggunaan peruntukan secara berjimat cermat.
- 2.2.2 Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan hendaklah menerokai alternatif lain dalam mengawal perbelanjaan tanpa menjejaskan perkhidmatan yang diberikan dengan menggunakan peruntukan secara optima bagi mendapatkan *economies of scale*. Antaranya adalah seperti berikut:
- i. Kementerian dan Jabatan untuk meneliti kesesuaian untuk menggunakan kaedah *Facility Management* bagi kerja-kerja pemeliharaan aset-aset Kerajaan termasuk bangunan dan lif. Ini adalah bagi memastikan aset-aset Kerajaan sentiasa terpelihara dan dalam keadaan yang baik, dan bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius dan berkemungkinan memakan perbelanjaan Kerajaan yang lebih besar di masa akan datang. Dalam pada itu jua, kerja-kerja pemeliharaan yang dilaksanakan menggunakan *facility management* perlu dicepatkan dengan memastikan syarikat tempatan yang dilantik mempunyai kompetensi serta pekerja-pekerjanya terdiri daripada anak tempatan;
 - ii. *Central procurement* bagi pembelian barang-barang yang boleh digunakama antara Kementerian dan Jabatan;
 - iii. Meneliti perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan untuk di *outsource* agar Kementerian dan Jabatan lebih fokus kepada *core business* dan pengawalseliaan;
 - iv. Meneliti opsyen untuk *leasing* berbanding pembelian bagi kenderaan dan mesin-mesin yang mempunyai jangka hayat yang panjang;
 - v. Mempraktikkan *value engineering* dalam reka bentuk bangunan-bangunan kerajaan yang baru khususnya pembinaan sekolah-sekolah dan fasiliti-fasiliti sosial dan sukan; dan
 - vi. Menggunakan semula bangunan-bangunan Kerajaan yang lama dan masih kukuh strukturnya untuk diperbaiki tanpa perlu membina bangunan baru ataupun diswastakan jika tidak diperlukan lagi.

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

- 2.2.3 Setiap Kementerian dan Jabatan perlu memastikan perbelanjaan dilaksanakan menurut peruntukan yang diluluskan, dengan meningkatkan kawalan dalaman, urustadbir (*governance*) dan akauntabiliti. Pegawai-Pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab hendaklah dipastikan mematuhi Peraturan-Peraturan Kewangan yang telah ditetapkan agar perancangan dan pengurusan kewangan Kerajaan tidak terjejas. Ini termasuklah dengan memastikan projek-projek dilaksanakan mengikut peruntukan yang telah diluluskan dan perbelanjaan serta pembayaran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- 2.2.4 Setiap Kementerian hendaklah menghadapi senarai projek atau pembelian yang bersifat *one-off* mengikut keutamaan dengan menyatakan perkara-perkara berikut:
- i. Justifikasi keperluan termasuk objektif dan *output/outcome* yang akan dicapai;
 - ii. Harga projek dan jumlah peruntukan yang diperlukan mengikut Tahun Kewangan yang berkenaan;
 - iii. Tempoh bagi setiap pembelian atau pelaksanaan projek yang dijangkakan; dan
 - iv. Lain-lain maklumat atau dokumen sokongan yang berkaitan termasuk maklumat mengenai kebenaran yang telah diperolehi daripada pihak-pihak yang berkenaan, seperti penelitian Mesyuarat *Chief Information Officer* Forum bagi pelaksanaan projek-projek transformasi digital termasuk projek-projek ICT berupa penyelenggaraan; dan Laporan *Technical Inspection Report* (TIR) bagi kerja-kerja pengubahsuaian bangunan dan sebagainya.
- 2.2.5 Mana-mana perbelanjaan baharu di bawah akaun **2105 – Perolehan Aset** bagi Tahun Kewangan 2026/2027 adalah dicadangkan untuk dihadkan bagi perbelanjaan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam dan menjana pulangan kepada fiskal Kerajaan dalam jangka masa sederhana dan panjang.
- 2.2.6 Perbelanjaan-perbelanjaan tahunan yang mendokong *core business* Kementerian dan Jabatan hendaklah diambilkira di dalam permohonan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Kementerian dan Jabatan masing-masing dan **bukannya menggunakan peruntukan SD09A – Perkhidmatan Rampaian.**

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

2.3 *Multi-year budgeting*

- 2.3.1 Seperti tahun-tahun kewangan sebelum ini, Kementerian dan Jabatan hendaklah menyediakan belanjawan masing-masing bagi tempoh jangka masa sederhana iaitu 3 tahun ke hadapan (*multi-year*) mulai Tahun Kewangan 2026/2027 hingga 2028/2029:
- i. Tahun Pertama (Tahun Kewangan 2026/2027) adalah untuk dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Negara dan seterusnya dibincangkan dan diluluskan bagi Tahun Kewangan berkenaan; dan
 - ii. Perancangan tahun kewangan berikutnya (Tahun Kewangan 2027/2028 dan 2028/2029) akan digunakan sebagai asas penyediaan had perbelanjaan serta panduan dalam menimbangkan dan meluluskan Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berkenaan.
- 2.3.2 Penyediaan belanjawan secara *multi-year* ini bertujuan untuk membantu Kementerian dan Jabatan dalam merancang keperluan perbelanjaan berdasarkan program dan aktiviti masing-masing dengan lebih konsisten, berkesan dan produktif.
- 2.3.3 Perancangan belanjawan ini juga hendaklah mengambilkira dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah pelan strategik dan *operational strategy* Kementerian dan Jabatan masing-masing.

2.4 **Permohonan menggunakan peruntukan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang, Perkhidmatan Rampaian, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.**

- 2.4.1 Bagi Kementerian-Kementerian yang telah diberikan kebenaran untuk menggunakan tajuk-tajuk di bawah peruntukan **Perkhidmatan Rampaian**, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam Tahun Kewangan 2025/2026 termasuk peruntukan Projek Rampaian, Projek Fokus, Menangani Bencana Alam dan Menangani Wabak Penyakit Berjangkit, hendaklah menghadapi unjuran keperluan peruntukan dengan memberikan status pelaksanaan projek bersama-sama cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026 hingga 2027/2028 seperti lazimnya.
- 2.4.2 Bagi permohonan baharu untuk menggunakan peruntukan SD09A – Perkhidmatan Rampaian, khususnya perbelanjaan mengadakan Mesyuarat, Persidangan, Seminar, menghadiri atau menganjurkan Acara Kesukanan samada dalam negeri atau luar negeri, Kementerian dan Jabatan hendaklah memastikan untuk menghadapi permohonan berkenaan **sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum** acara berkenaan berlangsung. Mana-mana permohonan yang diterima dalam tempoh kurang daripada dua bulan sebelum acara berkenaan, adalah untuk menggunakan peruntukan Kementerian dan Jabatan masing-masing.

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

2.4.3 Sebelum menghadapi permohonan berkenaan, Kementerian dan Jabatan adalah diperingatkan mengenai perkara-perkara berikut:

- i. Akaun **Projek Rampaian** adalah untuk membiayai perbelanjaan luar jangkaan yang melibatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara dan lazimnya memerlukan peruntukan yang besar. Permohonan untuk membiayai perbelanjaan seperti kerja-kerja pemeliharaan *routine* atau pembaikan aset-aset seperti bangunan dan sebagainya **tidak akan dipertimbangkan** mengambilkira ianya hendaklah dibiayai menggunakan perbelanjaan berulang-ulang Kementerian dan Jabatan masing-masing yang bersesuaian;
- ii. Akaun **Projek Fokus** pula dicadangkan khusus untuk membiayai perbelanjaan atau inisiatif yang inovatif, berimpak tinggi yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi (*multi-agency collaboration*) bagi memaksimumkan sinergi dan penggunaan sumber secara optima;
- iii. Justeru itu, mana-mana perbelanjaan atau projek yang berjalan pada masa ini dan dibiayai menggunakan peruntukan di bawah SD09A – Perkhidmatan Rampaian, yang bersifat 'berulang-ulang' dicadangkan untuk dipindah dan disediakan menggunakan peruntukan Kementerian dan Jabatan masing-masing, bagi meningkatkan ketelusan, *cost visibility* dan *ownership*.

2.5 Waran Pindah Peruntukan

Bagi meningkatkan disiplin dan akauntabiliti Pegawai Pegawai terhadap setiap perincian pelaksanaan dan pengurusan peruntukan dan perbelanjaan oleh Kementerian dan Jabatan di bawah kawalannya, peraturan Waran Pindah Peruntukan secara ringkasnya adalah seperti berikut:

2.5.1 Pindah Peruntukan

Jumlah keseluruhan yang dipindah dari **setiap akaun-akaun berkenaan hendaklah tidak melebihi 50%** dari peruntukan yang diluluskan. Mana-mana Pindah Peruntukan hendaklah **mendapatkan kebenaran daripada Menteri masing-masing terlebih dahulu** sebelum melaksanakan pemindahan peruntukan di dalam TAFIS 2.0 nanti. Manakala, bagi pemindahan dari setiap akaun-akaun yang **melebihi 50%** dari peruntukan yang diluluskan adalah memerlukan kebenaran **Kementerian Kewangan dan Ekonomi**.

2.5.2 Manakala pemindahan peruntukan yang **tidak dibenarkan** adalah seperti berikut:

- i. Pindah Peruntukan di antara Jabatan di bawah Pegawai Pengawal yang berlainan;

**GARISPANDUAN MENGENAI
TATACARA MENGHADAPKAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2026/2027 HINGGA 2028/2029**

- ii. Pengurangan dari akaun-akaun 2101 – Gaji, 2102 – Faedah Perkhidmatan dan 2104 – Caruman Majikan ke akaun 2103 – Kemudahan-Kemudahan Lain di bawah kategori Emolumen;
- iii. Pemindahan peruntukan di antara akaun-akaun di bawah perbelanjaan Emolumen [2101 hingga 2104] dan akaun-akaun di bawah Lain-Lain Perbelanjaan Berulang-Ulang [2105 hingga 2133]; dan
- iv. Pemindahan peruntukan dari akaun 2110 - Utiliti ke akaun akaun-akaun di bawah Lain-Lain Perbelanjaan Berulang-Ulang.

2.6 Waran Tambahan Peruntukan

Bagi mendokong sasaran imbalan fiskal Kerajaan, tiada tambahan peruntukan akan dipertimbangkan sepanjang tahun kecuali bagi keperluan yang benar-benar tidak dapat dijangka (*unforeseen circumstances*) dan kritikal sahaja, iaitu tidak dapat ditangguhkan tanpa menimbulkan kerugian kepada pihak Kerajaan.

Sebarang pertanyaan dalam menghadapi cadangan Anggaran Peruntukan di atas bolehlah dibuat terus kepada Bahagian Belanjawan di Pejabat Belanjawan dan Rancangan Kemajuan Negara, Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Tingkat 16, Bangunan Kementerian dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910, Telefon: 7743843 atau emel kepada budget@mofe.gov.bn.